

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH
JAYA]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Suruhanjaya Siasatan Diraja akan diwujudkan untuk menyiasat Kertas Pandora yang telah didedahkan oleh International Consortium of Investigative Journalist yang membabitkan wang sebanyak RM1.8 trilion.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya penggunaan akaun luar pesisir bukanlah satu kesalahan di bawah undang-undang Malaysia dan tindakan akan diambil sekiranya terdapat bukti berkaitan salah laku jenayah mana-mana individu atau syarikat.

2. Struktur Kewangan Malaysia dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia melalui Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731]. Aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan transaksi wang ke luar negara adalah tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2021 (AMLA) [Akta 613] dan akta berkaitan yang merangkumi langkah pencegahan terhadap kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pemindahan dana melalui saluran tidak rasmi dan pengisytiharan mata wang di pintu masuk keluar negara.

3. Sekiranya institusi kewangan mengesyaki sesuatu transaksi melibatkan hasil aktiviti haram, pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan, institusi kewangan hendaklah membuat laporan transaksi yang mencurigakan (suspicious transaction report, STR) kepada Bank Negara Malaysia (BNM). Ini membolehkan maklumat dikemukakan kepada agensi penguatkuasaan bagi membuat siasatan lanjut terhadap transaksi dan mana-mana orang yang terlibat, dan seterusnya mengambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya. Tindakan siasatan dan penguatkuasaan adalah dijalankan oleh agensi penguatkuasaan yang berkenaan, tertakluk kepada elemen-elemen kesalahan dan bidang kuasa perundangan.

4. Aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan transaksi wang keluar negara adalah tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) [Akta 613] dan akta-akta berkaitan yang merangkumi langkah pencegahan terhadap kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pemindahan dana melalui saluran tidak rasmi dan pengisytiharan mata wang di pintu masuk/keluar negara.

5. AMLA dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai pihak berkuasa berwibawa (*competent authority*) di bawah AMLA sentiasa bersedia memberi bantuan dan sokongan kepada agensi-agensi tersebut.

6. Selain itu, BNM juga telah meningkatkan pemantauan dan perisikan dalam mengesan aktiviti kiriman wang tanpa lesen. Manakala, aktiviti penyelarasan dan aktiviti penguatkuasaan bersama telah dilaksanakan terutamanya melalui National Anti-Financial Crime Centre (NFCC), penguatkuasaan dan kawalan sempadan termasuk pemantauan aliran tunai tidak sah.

7. Manakala aktiviti kewangan luar pesisir Malaysia dikawal selia oleh *Labuan Financial Services Authority* (Labuan FSA) melalui penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704] dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705]. Aktiviti penyelarasan dan aktiviti penguatkuasaan bersama juga telah dilaksanakan terutama melalui *National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC), penguatkuasaan dan kawalan sempadan termasuk pemantauan.

8. SPRM sedang dalam penelitian berkenaan isu ini dan tindakan siasatan akan dilaksanakan sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya aktiviti pengubahan wang haram oleh individu-individu yang dikaitkan dengan Pandora Papers ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL
[PANDAN]**

TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada matlamat purata pendapatan isi rumah sebanyak kira-kira RM10,000 pada tahun 2025 akan dicapai melalui strategi menaikkan gaji yang hanya akan meningkatkan kadar inflasi atau melalui strategi menaikkan produktiviti dan pelaburan baharu, dan nyatakan strategi yang dirancang.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menyasarkan purata pendapatan isi rumah di bawah RMKe-12 meningkat daripada RM7,160 pada tahun 2020 kepada RM10,065 pada tahun 2025, iaitu peningkatan sebanyak 7.0% setahun. Sasaran yang ditetapkan ini adalah realistik berdasarkan kepada pencapaian peningkatan purata pendapatan isi rumah bagi tempoh 2009-2019 iaitu sebanyak 7.0% setahun. Selain itu, sasaran yang ditetapkan juga adalah selari dengan jangkaan pertumbuhan KDNK pada harga

semasa sebanyak 7.4% setahun bagi tempoh RMKe-12 dan matlamat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

2. Kerajaan yakin sasaran yang telah ditetapkan ini mampu dicapai berikutan pelbagai strategi makro yang diperkenalkan untuk memulih dan memperkukuh asas ekonomi. Antaranya termasuk usaha untuk meningkatkan produktiviti, menggalakkan pelaburan berkualiti, mempercepat peralihan struktur ekonomi, memanfaatkan penyertaan dalam rantaian nilai global (GVC), meningkatkan bahagian pampasan pekerja (CE) dan memastikan kemampuan fiskal dalam jangka panjang.

3. Selain itu, peranan sektor swasta akan terus diperkasakan supaya kembali menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Bagi memperkukuhkan peranan sektor swasta, Dasar Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) akan menjadi asas pembaharuan yang komprehensif dalam semua inisiatif dan dasar berkaitan pelaburan. Melalui NIA, pendekatan yang holistik dan bersasar akan diterapkan bagi menarik lebih banyak pelaburan langsung asing serta pelaburan langsung domestik. Institusi pelaburan akan distruktur semula untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti yang akan menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang kompleks serta mendorong penerimgunaan teknologi termaju. Ini akan mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi sekaligus akan meningkatkan pendapatan pekerja dan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan sentiasa memantau dengan rapi kesan peningkatan pendapatan terhadap kenaikan harga bagi memastikan tidak berlaku tekanan kepada kos sara hidup. Objektif Kerajaan adalah untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang berkualiti dalam persekitaran harga yang stabil. Bagi tempoh Januari-September 2021, Indeks Harga Pengguna meningkat sebanyak 2.2% (Januari-September 2020: -1.0%). Di bawah RMKe-12, inflasi dijangka kekal stabil pada paras yang rendah, iaitu pada purata sebanyak 2.7% setahun.

Sekian, terima kasih.